

16 MAR 2000

Suhaili-Feri

SUHAILI MINTA SABAH BERI HAK PENDARATAN KEPADA "FERI HARAPAN"

KOTA KINABALU, 16 Mac (Bernama) -- Anggota parlimen kawasan Labuan Datuk Suhaili Abdul Rahman hari ini berkata tidak sepatutnya ada sekatan terhadap operasi perkhidmatan feri antara Labuan dan Sabah.

Beliau berkata ini kerana undang-undang negara terutama undang-undang maritim tidak memperuntukkan kuasa yang jelas kepada mana-mana negeri untuk menafikan hak pendaratan kepada mana-mana pengusaha perkhidmatan feri dalam negara.

"Saya amat dukacita dengan keputusan kerajaan negeri Sabah yang tidak memberikan hak pendaratan kepada pengusaha feri di Menumbok (Kuala Penyu).

"Ini sama sekali tidak selaras dengan aspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan supaya Labuan dipromosikan sebagai satu daripada destinasi pelancongan terunggul di negara ini," katanya pada persidangan berita di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan kerajaan negeri Sabah yang tidak memberikan hak pendaratan kepada "Feri Harapan" kepunyaan syarikat Labindo Marine Sdn Bhd untuk beroperasi bagi sektor Labuan dan Menumbok.

Feri baru yang berharga RM4.3 juta itu kini tersadai selama tiga bulan walaupun dilengkapi dengan dokumen yang diperlukan untuk beroperasi.

Beliau berkata perkhidmatan feri Labuan-Menumbok yang sedia ada tidak mencukupi dan oleh kerana itu, laluan itu memerlukan tambahan perkhidmatan feri untuk menampung pertambahan penumpang dan kenderaan antara Labuan dan tanah besar.

Suhaili berkata untuk memajukan industri pelancongan di pulau itu khususnya pelancong dalam negeri, kemudahan pengangkutan perlu diperbanyakkan termasuk feri.

"Sebenarnya, kalau kerajaan Sabah berhak menafikan hak pendaratan di Menumbok, pihak berkuasa di Labuan juga mempunyai hak yang serupa untuk tidak memberikan hak pendaratan kepada syarikat feri dari Sabah yang beroperasi sekarang.

"Bagaimanapun, ini bukanlah cara penyelesaian yang terbaik...oleh itu, saya merayu kepada kerajaan negeri Sabah untuk membenarkan "Feri Harapan" beroperasi secepat mungkin," kata beliau.

Suhaili berkata beliau juga akan membangkitkan isu itu pada persidangan parlimen akan datang.

-- BERNAMA

NT AKD